

12 MAR 1996

Sweden-anugerah (Dengan Gambar)

RAJA GUSTAF SAMPAIKAN ANUGERAH KEPADA AGONG DAN PM

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Raja Carl Gustaf dari Sweden, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan negara lima hari, menyampaikan anugerah kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Raja Gustaf menyampaikan anugerah Knight of the Royal Order of the Seraphim kepada Tuanku Ja'afar semasa baginda mengunjungi Tuanku Ja'afar di Istana Negeri Sembilan di sini.

Tuanku Ja'afar juga menyampaikan anugerah Darjah Utama Seri Mahkota Negara (DMM) kepada Raja Gustaf.

Terdahulu, semasa santapan tengah hari di Carcosa Seri Negara, Raja Gustaf menyampaikan anugerah Commander Grand Cross of the Royal Order of the Polar Star kepada Dr Mahathir.

Raja Gustaf, yang tiba dari Singapura, diiringi Permaisuri Silvia dan anak lelaki mereka, Putera Carl Philip.

Rombongan diraja itu termasuk Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Eropah Mots Hellstrom, pegawai-pegawai kanan dan 20 ahli perniagaan.

Dalam acara berasingan, Permaisuri Silvia menghadiri taklimat mengenai dasar kerajaan dalam memerangi penyalahgunaan dadah.

Taklimat selama 30 minit itu disampaikan oleh Pengarah Pasukan Petugas Anti Dadah, Kementerian Dalam Negeri, Johan Shamsuddin.

Johan berkata sumber dadah di Malaysia diperolehi dari kawasan Segi Tiga Emas untuk kegunaan dalam negeri atau dihantar ke negara lain seperti Australia, Amerika Syarikat dan Eropah.

Beliau berkata sebanyak 34,104 kes penagihan dadah dikesan tahun lepas, termasuk 13,140 kes baru.

Dianggarkan terdapat 200,000 penagih di Malaysia, katanya. --

BERNAMA

NJ AKD